

Latihan Sistem Bahasa (17 Jun 2021)

Arahan:-

Tandaakan pada jawapan yang betul sahaja.

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

1. Pegawai perubatan itu menyerahkan sebotol ubat batuk dan dua _____ ubat demam kepada Encik Badrul.
A buah
B helai
C papan
D kotak
2. Daniel menutup mulut dan hidungnya dengan menggunakan se_____ tisu yang bersih semasa batuk.
A helai
B keping
C lembar
D bidang
3. Nabila membersihkan beberapa biji buah epal dan se_____ buah anggur yang dibeli oleh ibunya di pasar tani.
A sikat
B gugus
C tangkai
D jambak
4. Kita hendaklah segera mendapatkan rawatan daripada doktor apabila _____ oleh serangga yang berbisa.
A dicucuk
B disengat
C disambar
D ditokak
5. Ibu dan ayah membawa Alif ke hospital dengan segera kerana dia _____ sakit perut dan muntah-muntah.
A melalui
B merasai
C mengalami
D menjangkiti
6. Ibu bapa harus meluangkan masa untuk _____ bersama anak-anak walaupun sibuk dengan tugas harian.
A berehat
B beriadah
C bekerja
D berjalan
7. Kita hendaklah _____ kuku dengan menggunakan pengetip kuku yang sesuai.
A mencabut
B mengikis
C menghiris
D memotong
8. "Ceramah yang _____ oleh penceramah itu adalah tentang pentingnya penjagaan kesihatan dan kebersihan diri," kata Azlan.
A diberikan
B dibahaskan
C disampaikan
D diucapkan
9. Murid-murid itu banyak memperoleh info tentang penjagaan kesihatan dan kebersihan semasa _____ ceramah itu.
A mengekori
B mengikuti
C memasuki
D menjejaki
10. Penceramah itu mengatakan bahawa amalan gaya hidup sihat yang _____ secara berterusan dapat mewujudkan kehidupan yang aman dan sejahtera.
A diamalkan
B dilakukan
C dijalankan
D diadakan
11. Kamu akan _____ pelbagai penyakit berbahaya jika makan makanan yang manis dan berlemak secara berlebihan.
A menghadap
B menghidap
C menjangkit
D memperoleh
12. Nenek masih kuat _____ kebun sayur di belakang rumah walaupun usianya kini mencecah 70 tahun.
A mendirikan
B membangunkan
C mengerjakan
D melaksanakan